MANU Volume 17, 21-38, 2011
*ISSN 1511-1989**© Hamidah Abdul Wahab*

Bahasa Pemersatu Bangsa: Ragam Bahasa dalam Komik

HAMIDAH ABDUL WAHAB

Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak

awhamidah@cls.unimas.my

Abstrak Bahasa merupakan elemen penting sebagai sarana berfikir dan alat komunikasi. Berdasarkan peranan bahasa dalam konteks perpaduan nasional, kajian ini akan meneliti penerapan elemen tersebut menerusi ragam bahasa komik yang merangkumi unsur humor, kiasan dan seumpamanya yang wujud dalam komik terpilih. Komik diangkat sebagai wacana kajian kerana medium ini amat akrab dengan golongan muda, khususnya kanak-kanak dan remaja. Selain memainkan peranan sebagai wadah komunikasi untuk menyampaikan mesej melalui humor, medium ini dilihat mampu membudayakan konsep 1Malaysia dalam kalangan golongan muda dari peringkat awal lagi. Penelitian ragam bahasa komik dengan penggunaan bahasa yang sesuai dengan sasaran khalayak pembacanya ini akan dikupas untuk melihat mesej yang terkandung di dalamnya.

Kata kunci: 1Malaysia, bahasa, ragam bahasa, perpaduan, komik

Abstract *Language is an important element in thinking and communication. In the context of the role of language in national unity, this study will examine the inculcation of this national unity through the language style of comics that encompasses elements of humour and metaphor. Comics are selected for discourse analysis because this medium is popular with the younger generation, particularly children and teenagers. Apart from its role as a medium of communication conveying messages through the use of humour, this medium is also seen as a means of instilling the concept of 1Malaysia in the younger generation. The study of language use in comics will be described to reveal the message therein.*

Keywords: *1Malaysia, language, language style, unity, comics*